

FOTO: RAMLI IBRAHIM



KAYU balak yang sudah ditebang dikumpulkan di kawasan tadahan air bukit.

Risau tiada air untuk diminum

Kegiatan pembalakan di kawasan tadahan undang kerisauan penduduk kampung

Oleh Ramli Ibrahim
am@hmetro.com.my
Gua Musang

Kegiatan pembalakan di kawasan tadahan air bukit berdekatan menjejaskan bekalan air bersih kepada 1,000 penduduk Kampung Star Baru dan Kala di sini, sejak enam bulan lalu menyebabkan bekalan terputus atau kotor hingga menjejaskan kesihatan penduduk.

Keadaan itu membimbangkan penduduk kerana pada masa akan datang, lokasi itu akan dibuka sebagai ladang kelapa sawit yang pasti memusnahkan kawasan tadahan air untuk mereka selama-lamanya.

Penduduk yang ditemui memaklumkan masalah itu pernah berlaku sebelum ini menyebabkan mereka terpaksa me-

nanggung derita selama beberapa tahun, namun atas inisiatif penduduk yang bergotong-royong membina tadahan air baru bernilai RM83,000 setahun lalu, masalah itu berjaya diselesaikan.

Seorang penduduk, Rawi Mohd Noor, 48, berkata, penduduk dua kampung itu bergantung kepada sumber air dari tadahan bukit untuk kegunaan harian dan jika keadaan berterusan, mereka pasti terputus bekalan air bersih hingga menjejaskan kehidupan akan datang.

"Selain itu, pembalakan juga menyebabkan bekalan air menjadi kotor dan kekuningan. Saya meminta pihak berkuasa berkai-

tan segera mengambil langkah menghalang aktiviti pembalakan dan pembukaan ladang sawit di kawasan itu kerana halanya menimbulkan masalah yang

berpanjangan kepada penduduk.

"Kami sudah memaklumkan masalah

ini kepada beberapa pihak termasuk syarikat pembalakan dan perlombongan, namun tidak dihiraukan hingga sekarang," katanya.

Seorang lagi penduduk, Mazlan Mohamad, 47, berkata, setiap bulan penduduk bersepakat membersihkan tadahan air bagi mengelakkannya tersumbat dengan tanah dan pasir.

Menurutnya, kegiatan pembalakan dan perlombongan itu tidak dihiraukan pihak bertanggungjawab menyebabkan penduduk terputus sumber air.

"Saya berharap pihak berkuasa mengambil tindakan tegas menyelesaikan masalah itu kerana penduduk bergantung dengan kawasan tadahan air itu sebagai sumber bekalan air bersih," katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Nenggiri Datuk Mat Yusoff Abd Ghani berkata, pihaknya memandang serius perkara itu kerana menjejaskan keperluan penduduk.

"Perkara itu perlu dibincangkan bersama dan berharap penduduk tidak bertindak liar kerana masalah itu boleh diselesaikan," katanya ketika dihubungi, semalam.

FAKTA

Kegiatan pembalakan, perlombongan tidak dihiraukan pihak bertanggungjawab menyebabkan penduduk terputus sumber air